

San Choon

kecam

golongan

cuba

timbulkan

perpecahan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

IPOH, Ahad — Presiden Kebangsaan MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon mengecam setengah golongan yang cuba menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat Cina di negara ini.

Golongan itu cuba memecah-belahkan perpaduan masyarakat Cina dengan menggunakan dakwah-dakwah anti-MCA, tetapi sebaliknya, mereka gagal berbuat demikian, katanya.

"Ketika ini, lebih ramai lagi kaum keturunan Cina memasuki parti MCA kerana mereka menyedari hakikat bahawa MCA merupakan parti yang benar-benar memperjuangkan nasib mereka," tegasnya.

Bellau berkata demikian semasa menghadiri majlis makan malam yang terbesar yang pernah dianjurkan di seluruh negara di Sekolah Menengah Yuk Choy di sini malam tadi.

Sokongan

Mengenal objektif rancangan MCA yang lalu iaitu projek pembinaan Kolej Tunku Abdul Rahman, bangunan baru MCA, kesedaran politik di kalangan masyarakat Cina, perniagaan multi-purpose multi-purpose (holding) dan mengekalkan kebudayaan, Datuk Lee menifatkan kesemua pencapaianannya adalah memuaskan.

Bellau memberitahu, projek kedua MCA iaitu Kojadi, perniagaan syarikat negeri pembinaan sebuah muzium berunsurkan kebudayaan Cina, sebuah pusat latihan tentera dan tabung pembangunan sekolah akan juga berjaya kelak.

Terdahulu dari itu, Naib Pengerusinya MCA merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan menafikan terdapat retakan dalam MCA, terutamanya di bahagian atau cawangan.

Katanya, "MCA sentiasa kukuh dan pemimpinnya mempunyai sikap konstruktif yang mementingkan parti dan negara."

"Menyedari hakikat demikian, ahli-ahli MCA perlu memberi sokongan yang tidak berbelah bagi untuk memajukan lagi partinya.